

RISIKO TERHADAP KEUNTUNGAN DALAM INSTRUMEN TRANSAKSI MASA KINI MENURUT FIQH MUAMALAT

Influence Of Risks Towards Profit In Current Transactions According To Fiqh Muamalat

MUHAMAD ZUHAILI BIN SAIMAN
AHMAD DAHLAN BIN SALLEH

ABSTRAK

Risiko sinonim dengan dunia ekonomi dan kewangan kerana ia merupakan satu cabaran bagi memperoleh sesuatu keuntungan. Risiko yang gagal diuruskan boleh menyebabkan berlakunya kerugian dalam sesuatu kontrak yang dijalankan. Pengurusan risiko yang baik menjadikan ia sebagai satu mekanisme dalam meraih keuntungan hasil produktiviti yang dilakukan. Justeru, kajian ini menyentuh kaitan risiko dengan keuntungan menurut fiqh mu'amalat. Kajian juga membincangkan risiko yang menghalang keuntungan bagi kontrak jual beli yang dijalankan. Seterusnya kajian ini menunjukkan gambaran risiko dalam kewangan Islam ke atas beberapa instrumen terkini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati, menurut fiqh mu'amalat, risiko diakui sebagai satu elemen yang menjustifikasikan untuk memperoleh keuntungan. Walau bagaimanapun, keuntungan yang diperoleh tadi bergantung kepada jenis-jenis kontrak kerana Islam tidak membenarkan pemindahan risiko berlaku dengan membebankan sebelah pihak sahaja kerana ia menyebabkan berlaku unsur kezaliman yang bercanggah dengan prinsip di dalam Islam iaitu kebajikan dan keadilan. Selain itu, atas prinsip Islam inilah akan didapati bahawa kewangan konvensional hanya menasaskan keuntungan sebelah pihak tanpa mengambil kira kezaliman yang dibebani oleh sebelah pihak yang berurusan dengannya. Hasil kajian ini akan menjelaskan keuntungan yang diperoleh berasaskan wujudnya risiko yang ditanggung oleh pihak berakad. Secara kesimpulannya, risiko yang wujud perlu diuruskan dengan prinsip keadilan agar tidak berlaku kezaliman disebabkan semata-mata keuntungan yang disasarkan.

Kata kunci: Risiko, Keuntungan, Kontrak, Kewangan, Keadilan.

ABSTRACT

Risk is synonymous with economic and finance as it is one of many challenges in gaining profits. Failure to administer the risk might lead to lost in certain contract made. A good management of risk acts as a good mechanism in obtaining profits from the productivity made. Thus, this research deals with the relation of risk with profits according to fiqh muamalat. This research also discusses on the risk that prevents profits coming in, in selling and buying transaction. Furthermore, it shows description of risk in the Islamic finance upon several current instruments. This is a qualitative research that applies content analysis approach. The research outcomes discover that according to fiqh muamalat, the risk is recognised as an element to justify profits acquired. However, the profits gained as mentioned above is based on types of the contracts made, as Islam prohibits any kind of transferring risk by burdening the other party only because it will lead to tyranny that contradicts with the Islamic principle, that is upholding welfare and just. Besides that, based on this Islamic principle, it is discovered that conventional finance merely aims to grant profits on one party only without considering the burden caused to the other party in the transaction. As a conclusion, the risk should be administer based on justice principle in order to avoid any injustice occurring based on transaction that merely aims to gain profits.

Keywords: Risk, Profits, Contract, Finance, Justice

PENGENALAN

Setiap kewangan mempunyai cara pengurusan risiko yang tersendiri. Ia bergantung kepada keuntungan maksimum yang disasarkan. Dalam kewangan Islam, matlamat utama ialah redha Allah dalam mencapai keuntungan iaitu dengan patuh syariah pada mekanisme yang dilakukan. Sebanyak mana keuntungan yang disasarkan namun ia tidak boleh menimbulkan sebarang aktiviti yang bercanggah seperti penipuan, mengandungi unsur riba, pertaruhan dan sebagainya. Berbeza dengan matlamat kewangan konvensional yang meletakkan matlamat utama adalah keuntungan maksimum secara mutlak. Ini menjadikan berlaku matlamat menghalalkan cara dalam mekanisme urus niaga yang dijalankan.

Surthaman Kastin Hasan dan Sanep Ahmad (2005) menyatakan bahawa perbezaan yang ketara antara kewangan Islam dan konvensional dalam membentuk cara pengurusan risiko ialah matlamat sesuatu pengeluaran. Bagi kewangan Islam matlamat utama pengeluaran ialah menyahut galakan Allah SWT dalam mencari rezeki kurniaannya dan memenuhi keperluan masyarakat bersama. Adapaun kewangan konvensional adalah keuntungan semata-mata dengan menjadikan apa sahaja tambahan ke atas modal dan kos lepas dikira sebagai keuntungan. Sistem kewangan Islam amat mementingkan keuntungan yang halal kerana ia melibatkan keberkatan dalam kehidupan muslim. Keberkatan ini berkait rapat dengan keimanan seseorang muslim dengan pembalasan di akhirat kelak. Sehubungan itu, tambahan yang tidak patuh syariah seperti tambahan atas unsur riba tidak dianggap keuntungan menurut perspektif Islam (Ab Rahim 2012).

Zaharuddin Yahya (1995) menekankan bahawa bagi seorang muslim apa jua pekerjaan yang dilakukan untuk mendapatkan rezeki yang halal maka ianya dianggap sebagai ibadah dan akan diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT. Setiap ibadah mestilah berteraskan keinginan untuk mendapatkan keuntungan yang abadi. Keuntungan abadi ini dirujuk kepada usaha untuk mencari keredaan Allah bagi kesempurnaan kehidupan di dunia dan kebahagiaan yang kekal di akhirat.

HUBUNG KAIT RISIKO DENGAN KEUNTUNGAN

Risiko menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke-4 ialah mengalami kerugian dan bahaya (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, prpm.dbp.gov.my). Dalam bahasa arab, risiko merujuk kepada perkataan *khatar* yang juga membawa maksud kerugian dan bahaya (Muhammad °Immarah 2009). Secara umumnya, risiko merujuk kepada sesuatu keadaan yang mendatangkan bahaya dan kemudaratan kepada manusia seperti musibah, malapetaka, kesakitan dan sebagainya. Dalam kajian ini, risiko yang dimaksudnya ialah lebih dikhususkan kepada musibah yang boleh mendatangkan kerugian dalam urus niaga sama ada perniagaan dan pelaburan.

Keuntungan dalam bahasa Arab disebut *al-ribh* yang membawa maksud perolehan tambahan dari hasil perniagaan dan apa sahaja usaha yang dilakukan (al-Jumu'ah 2000). Sudut istilah pula ia bermaksud pertambahan ke atas modal hasil pertukaran harta dari satu keadaan kepada satu keadaan menerusi aktiviti seperti jual beli (al-Jumu'ah 2000). Keuntungan itu merujuk kepada hasil tambahan atau perolehan ke

atas lebih jumlah modal dan perbelanjaan, yang diperoleh menerusi aktiviti tertentu berasaskan pertukaran (*al-tabadul* atau *al-mu'awadah*) harta dengan sesuatu barangan, perkhidmatan atau harta seperti perniagaan, pelaburan dan sebagainya (Ab Rahim 2012).

Islam mengiktiraf keuntungan tidak hanya ke atas modal sama ada berbentuk wang, produk serta usaha atau khidmat yang diberikan bagi mendapatkan upah (*ujrah*). Justeru, keuntungan yang merupakan lebih dari modal termasuklah juga caj upah tersebut kerana di kurun ke-19, pekerjaan yang melibatkan perkhidmatan semakin berkembang pesat. Sehubungan itu, modal yang difahami bukan hanya melibatkan produk namun juga termasuk usaha atau tanah yang diusahakan ke atasnya. Ini sebagaimana yang diperjelaskan oleh ahli ekonomi yang menyatakan unsur produktiviti melibatkan tanah, modal dan usaha (Sa'id Sa'ad Martan 1996).

Risiko merupakan perkara negatif kerana ia berlawanan maksud keuntungan (Dewan Bahasa dan Pustaka 1994). Risiko bagi modal yang berbentuk alatan mesin adalah kerosakan mesin. Risiko ke atas tanah antaranya dilihat pada kesuburan dan keluasan tanah dalam sesuatu aktiviti yang dilakukan sama ada untuk pembangunan, pertanian, perladangan dan sebagainya. Begitu juga dengan perkhidmatan maka risiko yang ditanggung ialah usaha manusia yang letih dan kepenatan. Disebabkan itu, selain modal yang merujuk kepada tiga unsur produktiviti di atas yang menjadi perbelanjaan, maka wujud satu lagi kos lepas sebagai perbelanjaan tambahan bagi mengurangkan risiko yang sedia ada. Maka modal dan kos lepas merupakan satu perbelanjaan asas yang tidak dikira sebagai keuntungan bersih dalam sesuatu transaksi (Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad 2005).

Di dalam Islam, keuntungan berhak diperolehi berasaskan wujudnya risiko yang ditanggung oleh pihak yang berakad tersebut. Ini berdasarkan kaedah fiqh seperti berikut (al-Nadwi Ahmad 2000):

الْغَنَمُ بِالْغَرَمِ

Maksudnya: Perolehan keuntungan adalah dengan menghadapi risiko.

Dan juga hadith (Abu Dawud no 3508):

الْحَرَاجُ بِالضَّمَانِ

Maksudnya: (Bagi mendapatkan) keuntungan (hasil pelaburan) mesti dengan menghadapi risiko (dan jaminan barang yang dijual adalah selamat – bermakna tiada untung tetap dijanjikan).

Aktiviti yang melibatkan produktiviti bagi mendapatkan sesuatu keuntungan pasti akan berhadapan dengan risiko yang wujud. Malah semakin besar keuntungan yang disasarkan maka sebenarnya semakin besar risiko yang dihadapi. Jika berjaya menguruskan risiko dengan baik maka akan terhasil keuntungan yang disasarkan. Dalam urusan niaga jualbeli, aktiviti penawaran mestilah memenuhi permintaan pengguna. Sekiranya penawaran yang berlaku tidak memenuhi permintaan maka akan berlaku kerugian di pihak peniaga. Begitu juga sekiranya penawaran yang diberikan terlebih banyak dari had permintaan akan menyebabkan lebihan yang terabai. Namun sekiranya permintaan melebihi penawaran yang sedia boleh menyebabkan harga melambung pula. Inilah gambaran asas risiko yang perlu diuruskan bagaimana memaksima pengeluaran

dalam memenuhi permintaan agar keperluan pengguna mencukupi. Dan inilah merupakan antara salah satu hikmah ke atas pensyariatkan jualbeli yang tidak hanya bermaksud keuntungan maksima secara mutlak akan tetapi memenuhi keperluan dalam masyarakat (al-Jarjawi 2007).

Oleh sebab itu, setiap urusan niaga yang batil tidak dibenarkan oleh Islam sekalipun ia merupakan persetujuan kedua-dua pihak kerana ia bersifat mendatangkan risiko sama ada ke atas salah satu pihak, kedua-duanya atau terkesan kepada masyarakat umum. Sehubungan itu, urusan niaga yang batil seperti mempunyai unsur riba tetap diharamkan walaupun jika kedua-dua pihak bersetuju. Ini kerana risiko yang berlaku akan memberikan impak kepada masyarakat umum dari sudut moral dan ekonomi.

Sehubungan itu, Islam mengharuskan *khiyar* bagi memastikan tiada risiko tertanggung yang dibebani ke atas satu pihak sahaja sama ada pembeli atau penjual. Menjadi kata kunci yang sangat penting dalam urusan niaga ialah keredaan antara dua pihak. Ini kerana keperluan bagi pihak yang melakukan penawaran dan permintaan akan dipenuhi dalam keadaan yang reda. Lantaran itu, Nabi Muhammad SAW menegah penjual menjual sesuatu yang tidak diinginkan oleh pembeli seumpama buah yang sudah basah tanpa pengetahuan pembeli. Namun jika diketahui oleh pembeli dan ia meredainya maka diharuskannya (Mustafa al-Khin et al. 2008).

PRINSIP KEUNTUNGAN DALAM JUAL BELI MENURUT PERSPEKTIF SYARAK

Secara asas, Islam tidak menetapkan harga secara rigid iaitu pada kadar yang tertentu. Kadar penentuan harga secara Islam adalah berbentuk kualitatif bukan kuantitatif. Kadar harga bagi sesuatu jualan barangan adalah terserah kepada penjual selagimana menjaga batasan unsur-unsur yang dibenarkan di dalam Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Shamsiah Mohamad (2002) bahawa terdapat empat ciri bagi keuntungan menurut perspektif Islam ialah bebas daripada unsur riba, bersih daripada unsur *ghabn fahisy* yang berpunca daripada *taghrir*, bersih daripada unsur *gharar* dan tiada unsur *ihtikar*.

Resolusi fatwa no 46 (8/5) bagi Akademi Fiqh OIC yang bersidang di Kuwait pada 1-6 Jamadil Awwal 1409H / 10-15 Disember 1988 memutuskan bahawa tidak ada had keuntungan atas seseorang peniaga dalam sesuatu transaksi. Secara umumnya bergantung kepada peniaga, industri, konsep perniagaan dan barang jualan. Peniaga juga perlu menitik berat etika perniagaan Islam yang sewajarnya. Dalam perniagaan, Islam melarang perbuatan jahat seperti penipuan, pemalsuan, menyorokkan maklumat penting, monopoli yang memberi kesan buruk dalam masyarakat.

Selain itu, kerajaan juga tidak boleh terlibat dalam menetapkan harga sesuatu barang kerana asas jualbeli ialah redha antara penjual dan pembeli dalam proses tawar menawar yang dilakukan serta pasaran bebas yang bersaing secara sihat kecuali dalam keadaan tertentu yang mendatangkan mudarat ke atas pasaran normal seperti spekulasi kenaikan kerana berlakunya sorok barang bagi tujuan kenaikan harga atau juga seperti kartel perniagaan yang berpakat menaikkan harga mengatasi memberikan impak negative ke atas pelanggan dalam barangan penggunaan asas dan seharian khususnya. Dalam keadaan tersebut, kerajaan perlu masuk campur untuk mengawal harga dengan penetapan

harga siling agar harga pasaran kembali terkawal. Campur tangan ini merupakan masalah umum bagi memastikan perjalanan pasar tidak berlaku spekulasi. Sebagai contoh kawalan harga ke atas barangan runcit seperti ayam bagi musim perayaan. Ini kerana musim perayaan permintaan menjadi tinggi dan untuk mengelakkan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga tanpa kawalan maka perlunya ditetapkan harga siling.

Muhammad Bakr Isma'îl (1999) menerusi fatwanya menyebut bahawa berdasarkan ayat al-Quran dalam Surah al-Nisa' pada ayat ke-29, maka tidak ada batasan tertentu dari syarak bagi keuntungan yang harus diambil dari produk yang dijual. Justeru, penentuan harga produk terserah sepenuhnya kepada penjual atau pengeluar. Namun begitu, para penjual atau pengeluar hendaklah mengambil kira keredaan pengguna terhadap harga yang ditetapkan. Tidak harus ia melakukan penipuan harga atau *ghabn fahish* (yakni beza harga yang keterlaluan dari harga sebenar di pasaran) yang menyebabkan pembeli hilang perasaan redanya terhadap jual-beli apabila mereka mengetahui nilai sebenar di pasaran.

°Ali Mahyuddin al-Qurrah Daghi (2009) berkata antara hikmah syarak tidak menetapkan secara rigik dalam bentuk angka kerana syariat Islam menekankan keadilan. Ia tidak akan dapat dicapai dengan menghadkan keuntungan dalam sesuatu urusan niaga, tetapi terserah kepada kedudukan uruf iaitu penerimaan umum bagi sesuatu tempat dan masa. Bahkan terdapat hadis yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW memperakui akan keuntungan yang mencapai kadar 100 peratus bahkan lebih daripada itu. °Urwah al-Bariqi meriwayatkan hadith yang bermaksud:

Rasulullah SAW memberiku satu dinar agar aku membelikannya seekor kambing, kemudian aku membeli dua ekor kambing dengan satu dinar yang diberikan Rasulullah, kemudian aku jual kembali seekor kambing dengan harga satu dinar, apabila aku datang menemui Baginda dengan membawa seekor kambing dan satu dinar. Kemudian Rasulullah SAW mendoakan keberkatan kepada perniagaan Urwah, sehingga seandainya ia membeli debu, niscaya ia akan memperolehi laba darinya (Abu Dawud, kitab al-buyu', bab al-mudarib yukhalif, no 3384 & 3385).

Secara kualitatifnya, Islam meletakkan garis panduan dan batasan bagi memastikan keuntungan yang diperolehi adalah secara halal. Sebarang mekanisma yang dilakukan bagi memperoleh keuntungan yang haram adalah dilarang di dalam Islam. Yusuf al-Qaradawi dan °Ali Mahyuddin al-Qughah Daghi (2009) menyatakan secara umum, batasan yang diletakkan ialah:

1. Keuntungan bukan daripada sumber perniagaan yang haram.
2. Keuntungan bukan daripada penipuan harga dan barangan yang dijual ke atas pembeli.
3. Keuntungan bukan dengan mekanisma *ghabn fahish* (perbezaan nilai jualan dan sebenar adalah terlalu besar).
4. Keuntungan bukan hasil kenaikan harga dengan mekanisma *ihtikar* (menyimpan barangan jualan bagi menaikkan harga barangan semasa menjadi lebih tinggi).

Mohd Nizho dan Mohd Shukri (2008) membentangkan berkenaan etika dalam perniagaan. Ia juga bertujuan bagi memastikan perniagaan yang dilakukan patuh syariah dan keuntungan yang dihasilkan adalah halal. Etika perniagaan dalam Islam ialah ikhlas,

tidak terlibat dengan amalan riba, saling reda meredai, menjauhi semua unsur penipuan, memenuhi serta menunaikan akad, adil, amanah, istiqamah, menjauhi pembaziran, mengutamakan kebersihan rohani serta jasmani, saling bantu membantu, bersopan santun dan menepati masa. Husam al-Din Musa 'Afanah (2005) menekankan bahawa rezeki yang melibatkan keuntungan yang halal mesti menjauhi riba dan segala unsur penipuan dalam urusan niaga yang dilakukan. Jika tidak, keuntungan yang diperolehi adalah tidak diberkati bahkan haram.

JENIS RISIKO DAN HUKUMNYA

Keuntungan yang diiktiraf dalam Islam merujuk kepada usaha dalam menghadapi risiko sama ada risiko dalam bentuk usaha atau pemilik modal. Keuntungan tanpa menghadapi risiko akan menyebabkan manusia memindah risiko ke atas pihak lain dan sekaligus ia adalah suatu bentuk kezaliman. Oleh sebab itu, amalan riba adalah suatu bentuk penindasan dan kezaliman kerana tambahan yang dikenakan ke atas pinjaman yang dilakukan merupakan pemindahan risiko ke atas penghutang. Hasilnya, keuntungan yang ingin dicapai tanpa menghadapi risiko akan melahirkan masyarakat yang malas bekerja atau berusaha (Zaharuddin Abd Rahman 2010).

Fadl Ilahi (1984) menyatakan proses “melahirkan” wang adalah tidak diterima di dalam Islam. Maka pengamalan riba adalah suatu proses “melahirkan” wang yang sedia ada. Tambahan yang diperolehi hasil riba tidak melalui proses produktiviti. Disebabkan itu disebut sebagai “melahirkan” bukannya “menghasilkan” kerana tambahan yang bersifat percuma semata-mata. Walaupun dalam riba hutang, pemiutang menghadapi risiko iaitu sejumlah wang yang diberikan pinjam tidak dapat diusahakan olehnya kerana diberikan hutang dan juga kebarangkalian penghutang tidak melunaskan bayaran namun ia sebab untuk dipindahkan risiko ke atas penghutang dengan mensyaratkan tambahan ke atas hutang. Malah Islam telah menjamin jumlah hutang yang wajib dibayar oleh penghutang tanpa sebarang pengurangan. Dan dasar kontrak hutang adalah bersifat ihsan iaitu kebajikan maka sudah tentu jumlah hutang yang diberikan adalah untuk tujuan membantu bukannya berorientasikan keuntungan. Ini di antara contoh risiko yang berlaku disebabkan risiko. Oleh sebab itu, Islam menegah kontrak hutang berasaskan kepada keuntungan kerana ia bertentangan dengan dasar kontrak asal.

Zaharuddin Abd Rahman (2010) menyatakan bahawa risiko yang diharamkan oleh Islam disebabkan dua faktor berikut:

1. Kejayaan amat kecil jika dibandingkan dengan kegagalan dan kerugian. Sebagai contoh, aktiviti perjudian.
2. Bukan sesuatu yang dicari tetapi sesuatu yang disengajakan bagi menambah nilai sesebuah aset menjadi bahan pembelian atau pelaburan. Sebagai contoh, risiko yang disengajakan adalah aktiviti spekulasi.

Risiko seperti di atas diharamkan kerana ia bercanggah dengan *maqasid syariah* bagi tujuan mendatangkan maslahat dan menolak kemudaratan. Risiko ini akan mendatangkan mudarat sama ada ke atas pihak yang melakukan urusan dengan sendiri atau dipindahkan risiko ke atas pihak yang tidak sepatutnya. Disebabkan itu segala aktiviti

yang kemungkinan kerugian lebih besar seperti perjudian maka ia diharamkan. Begitu juga riba yang membebankan penghutang dengan tambahan ke atas hutang yang dimohon.

Risiko yang diharuskan pula ialah risiko yang tidak boleh dilupuskan atau dipindahkan di dalam sesebuah transaksi. Jika tidak ia akan mencemarkan keadilan kepada pihak yang berurusan. Oleh sebab itu, dalam kontrak *al-qard* (hutang), maka tidak dibolehkan harta dengan sesuatu dikenakan tambahan ke atas penghutang kerana tindakan tersebut adalah memindahkan risiko yang ditanggung oleh pemiutang ke atas penghutang. Begitu juga dalam kontrak *al-wadi'ah* yang memberikan amanah ke atas satu pihak untuk menjaga barangnya. Maka tidak boleh memindahkan risiko ke atas penjaga amanah untuk menanggung kerugian hasil kerosakan barang simpanan melainkan jika kerugian tersebut disebabkan tindakannya atau kecuaiannya. Maka tindakannya yang merosakkan barang atau kecuaiannya merupakan risiko mendatang ke atas pemilik barang, menjadikan tanggungan ke atas pihak yang bersalah dalam hal ini untuk menghilangkan risiko mendatang ke atas pemilik barang (al-Salami 2008).

KEWUJUDAN RISIKO MENGIKUT JENIS KONTRAK

Kontrak di dalam bahasa arab ialah *‘aqd* yang membawa maksud ikatan, perjanjian dan himpun. *‘Aqd* dalam konteks *mu‘amalat* ialah ikatan yang dimeterai oleh dua pihak yang bersetuju yang memestikan kedua-dua pihak menyempurnakan *‘aqd* tersebut (Muhammad ‘Immarah 2011). Terdapat beberapa jenis kontrak bergantung kepada kesan kelaziman yang akan berlaku. Pembahagian jenis-jenis kontrak mempengaruhi corak pengurusan risiko.

Risiko yang wujud ke atas setiap kontrak adalah berbeza mengikut jenis-jenis kontrak yang dibahagikan seperti berikut:

1. *Tamlik wa Tamalluk (Pemilikan)*

Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu kontrak al-mu‘awadat (dua pihak melakukan pertukaran barangan) dan al-tabarru‘at (sebelah pihak melakukan pemberian). Dalam kontrak al-mu‘awadat maka risiko ke atas pembeli dan penjual mesti dihilangkan dengan cara kedua-dua memiliki barangan yang dikehendaki. Disebabkan itu jual beli burung di udara adalah terbatal kerana berlaku pemindahan risiko ke atas pembeli iaitu tidak memiliki barangan pembeli sementara risiko ke atas penjual sudah dihilangkan dengan memiliki wang pembelian.

Dalam kontrak al-tabarru‘at seperti hutang yang diberikan atas dasar ihsan (simpati). Pemiutang yang menanggung risiko wang yang beku tidak boleh dilaburkan kerana diguna pakai oleh penghutang, maka pemiutang tidak boleh mewujudkan spekulasi dengan memindahkan risiko ke atas penghutang dengan dikenakan caj tambahan. Ini merupakan riba yang diharamkan. Oleh sebab itu, terdapat sebahagian ulama yang menyatakan akad *qard hasan* (hutang tanpa unsur riba) adalah lebih afdal jika hendak dibandingkan dengan sedekah kerana pemiutang tidak mahu melepaskan hak miliknya namun ia berani menanggung risiko yang ada dengan kerelaan (Zaharuddin Abd Rahman 2010).

2. **Isqatat (Menggugurkan Hak ke atasnya)**

Aplikasi *isqatat* boleh dilihat kepada kontrak *al-sulh* (perdamaian). Dalam konteks apabila *al-shuf'ah* (hak mengambil barangnya secara paksa yang diizinkan) maka pemilik asal boleh berunding dengan pemilik baru untuk melakukan *al-sulh* sama ada mana-mana pihak menggugurkan hak sepenuh atau sebahagian dan diganti dengan pembayaran yang saling direndai. Risiko yang dihadapi oleh kedua-dua diurus tanpa membebankan ke atas mana-mana pihak (al-Salami 2008).

3. **Ithlaqat (Keizinan Pengurusan Tanpa Syarat)**

Aplikasi *ithlaqat* boleh dirujuk ke atas pembelian yang diwakilkan ke atas kanak-kanak yang belum *mumayyiz*. Andai tersilap dalam jual beli maka ia adalah ditanggung ke atas pihak yang mewakili kanak-kanak tersebut tanpa meletakkan risiko mendatang ke atas kanak-kanak yang telah diberikannya keizinan (al-Salami 2008).

Dalam mazhab Hanafi, kontrak ini boleh dilihat kepada *bay' al-fuduli*. Oleh itu sah bagi seseorang yang menjual hak orang lain kepada pembeli, pembelian tersebut tertanggung sehingga pemilik barang memberikan keizinan. Namun jika pemilik tidak memberikan keizinan maka ia terbatal dan barang tersebut mesti dipulangkan semula kepada pemilik (al-Kibbi 2002).

4. **Taqyidat (Keizinan Pengurusan Secara Bersyarat)**

Dalam konteks *mudarabah*, sekiranya pengusaha (*mudarib*) melanggar syarat yang telah diletakkan oleh pemodal sehingga berlakunya kerosakan maka ia bawah tanggungjawab pengusaha tersebut kerana kecuaiannya. Ini kerana kerosakan disebabkan kecuaiannya menyebabkan risiko dan tidak boleh memindahkan bebanan risiko kepada pemilik modal (al-Khuwaytir 2006).

5. **Tawthiqat (Meletakkan Jaminan)**

Ia boleh dirujuk kepada soal *al-rahn* (gadaian) kerana orang yang menerima pajak gadai menanggung risiko wang yang telah diberikan kepada pemajak gadai. Sehubungan itu, untuk menampung risiko yang dihadapi oleh penerima pajak gadai, pihak yang ingin berhutang mestilah mencagarkan barangnya sebagai tanda jaminan akan hutang tersebut akan dilunaskan kemudian hari. Dengan itu, penerima pajak gadai boleh menjual barang gadaian seandainya pemajak gadai tidak boleh melunaskan hutang sebagaimana yang disepakati. Jaminan dengan barang gadaian menjadikan risiko yang diambil oleh penerima pajak gadai dapat ditampung seandainya berlaku risiko yang mendatang (al-Salami 2008).

Begitu juga dengan konsep penjamin ke atas penghutang yang berlaku pada hari ini. Konsep penjamin ini merupakan adaptasi dari kontrak *al-kafalah* dari sudut *al-dayn* (hutang). Justeru penjamin merupakan jaminan yang diberikan agar pemiutang berani menanggung risiko dengan pemberian hutang tersebut (al-Salami, 2008).

6. **Musharakat (Perkongsian)**

Kontrak ini boleh dilihat kepada *al-shirkah* (perkongsian) dan *al-mudarabah* (pelaburan). Dalam kontrak *al-shirkah* maka pemegang saham bersama iaitu pemilik modal yang

berkongsi boleh mendapat hak *al-shuf'ah* seandainya rakan kongsi modalnya telah menjual sebahagiannya kepada pihak yang dia musuhi atau dilaporkan mendatangkan kerosakan pada urusan niaga yang dilakukan. Pemberian hak *al-shuf'ah* tersebut adalah bagi mengelakkan risiko yang berlaku kepada pemilik saham serta diberikan bayaran agar tiada risiko berpindah kepada pembeli saham terbabit (al-Salami 2008).

7. *Hifz* (Menjaga Amanah)

Dalam konteks menjaga barang amanah iaitu kontrak *al-wadi'ah*, maka hukum asal ke atas penjaga ialah amanah iaitu ia tidak bertanggungjawab atas kerosakan yang berlaku kecuali jika ia melakukan kerosakan atau wujud kelalaian dalam jagaan ke atas barang amanah. Hal ini mengelakkan pemindahan risiko ke atas penjaga amanah yang asalnya tiada amanah ke atasnya. Pemilik barang mengambil risiko dengan meletakkan barangan kepada pihak yang dipercayai bagi mengelakkan risiko yang lebih besar jika di bawah jagaannya. Namun tidak boleh diletakkan syarat yang membebani pemegang amanah dengan memindahkan risiko ke atasnya kecuali risiko mendatang hasil daripada kelalaiannya (al-Salami 2008).

Sehubungan itu, dapat dilihat bahawa pengurusan yang berbeza ke atas risiko bagi setiap kontrak namun asas yang sama iaitu risiko tidak boleh dibebankan ke atas pihak yang lain. Risiko yang mendatangkan spekulasi juga tidak boleh dijadikan sebagai jalan bagi meraih keuntungan kerana ia telah mencemarkan prinsip keadilan di dalam Islam. Oleh sebab itu, risiko dalam meraih keuntungan merupakan lumrah semulajadi yang berada dalam aktiviti perniagaan yang diusahakan seumpama risiko rugi di atas barangan yang dijual. Maka risiko sebeginilah yang mesti diuruskan agar mampu meraih keuntungan. Namun jika wujud risiko yang baru atau dengan cara memindahkan risiko kepada pihak lain untuk dibebani maka ia adalah dilarang.

CONTOH RISIKO TRANSAKSI MASA KINI DALAM KEWANGAN ISLAM

Risiko Dalam Jualan Barang Yang Tidak Wujud

Hukum asal dalam jual beli ialah barangan jualan wujud bagi memenuhi permintaan. Penawaran yang berbentuk produk berlaku apabila wujudnya barang. Ketiadaan barang ketika penawaran dilakukan merupakan satu risiko ke atas permintaan. Disebabkan itu, penawaran dan permintaan yang membabitkan dua barangan yang tidak wujud maka ia dilarang oleh Nabi Muhammad SAW. Urusan niaga yang membabitkan barangan jualan tidak wujud dan wang pembelian yang bertanggung dikenali dengan *bay' al-kali' bi al-kali'* atau *bay' al-dayn bi al-dayn*. Hal ini dilarang kerana berlakunya risiko yang berganda dalam urusan niaga.

Ibn 'Umar meriwayatkan bahawa :

أَنَّ النَّبِيَّ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْكَالِيِّ بِالْكَالِيِّ

Maksudnya :“Sesungguhnya Nabi telah melarang daripada jual beli hutang dengan hutang.”
(Al-Hakim, kitab al-buyu', bab al-nahy 'an bay' al-kali' bi al-kali', no 2389)

Oleh sebab itu dalam konteks barangan jualan yang “tiada” sebagaimana dalam hadith Nabi Muhammad SAW maka para ulama menjelaskan larangan tersebut terpakai apabila kondisi berikut (Markaz Pengajian Fiqh Dan Ekonomi 2009):

1. Bukan hak milik penjual di waktu jualan dilakukan. Maka penjual telah mencerooboh hak pemilik barang dan meletakkan risiko ke atas pembeli dengan bayaran wang namun barangan masih dimiliki oleh pemilik asal.
2. Barang yang tidak boleh dimiliki kerana tidak mampu dimiliki seumpama menjual burung yang berterbangan di angkasa. Hal ini menyebabkan pembeli menanggung risiko rugi terhadap bayaran yang telah dilakukan. Termasuk juga jual barang hak miliknya yang telah hilang.
3. Barangan yang tiada di hadapan mata dan tidak akan wujud. Ia adalah suatu bentuk penipuan kerana tiada barangan. Seandainya ia berubah menjadi kontrak *al-salam* (tempahan) maka mestilah dipenuhi syarat-syarat barangan agar tidak berlaku risiko ke atas penempah disebabkan barangan yang dikehendaki tidak sama sebagaimana waktu penawaran dilakukan.

Risiko Dalam Pembiayaan Jangka Panjang Menurut *Base Rate* (BR)

Pembiayaan jangka panjang yang terdapat dalam perbankan Islam hari ini juga menjadi isu apabila ia dikaitkan dengan kiraan menurut *Base Rate* (BR). Ini kerana BR merupakan kiraan yang diguna pakai dalam sistem konvensional dalam menentukan kadar faedah ke atas pinjaman atau hutang yang diberikan. Maka penambahan yang berlaku antara dalam sistem perbankan Islam dan konvensional adalah sama dari sudut kiraan dan kedua-duanya adalah bertambah. Sekaligus menjadikan persepsi negatif dengan menganggap mudah kedua-dua adalah riba (Ridzwan Ahmad & Azizi Che Seman 2009).

Dalam kiraan BR yang diguna pakai, terdapat perbezaan antara perbankan Islam dan konvensional dari sudut asas kontrak yang dimeterai dan pertambahan ke atas nilai jualan bertanggung. Bagi perbankan Islam pembiayaan jangka panjang yang melibatkan jualan bertanggung merujuk kepada akad jual berbeza dengan perbankan konvensional atas dasar akad pinjaman. Sehubungan itu, dari sudut ketetapan harga jualan telah dibuat dari awal kontrak dimeterai dengan perbankan Islam yang mana harga jualan tersebut adalah tetap dan tidak berubah-ubah sekalipun. Berbeza dengan pinjaman yang dikenakan oleh perbankan konvensional, yang asasnya mengguna pakai kaedah keuntungan berubah-ubah berdasarkan turun naik kadar bunga atau faedah semasa. Oleh itu, kiraan pertambahan nilai oleh perbankan Islam merujuk kepada konsep nilai masa wang yang diharuskan oleh para ulama dan ia dipanggil dengan istilah “*profit rate*” bagi membezakan penggunaan istilah oleh perbankan konvensional iaitu “*interest rate*” yang berorientasikan kadar bunga atau kadar faedah.

Kiraan ni merupakan kiraan jangkaan bagi tempoh mendatang sesuatu paras harga. Ini kiraan yang diguna pakai oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Perbezaan ini merujuk kepada kontrak yang dimeterai dan perlaksanaan. Sebab itu, terdapat persepsi negatif yang meletakkan pembiayaan kewangan oleh perbankan Islam adalah mahal kerana perbankan menetapkan terus paras yang relevan pada nilai jangkaan mendatang termasuk mengambil kira aspek kos mengurus minima (*cost of fund*) tanpa berlaku sebarang perubahan dalam kontrak apabila ia dimeterai. Justeru tidak berlaku sebarang

perubahan dalam kontrak yang boleh mewujudkan risiko yang baru kerana ketidakpastian dalam penetapan harga (Zaharuddin Abd Rahman 2007).

Di samping itu, dalam isu ini, pembiayaan kewangan Islam pada hakikatnya tidak menggunakan kontrak hutang ke atas penghutang bank. Kontrak yang berlaku antara bank dan individu ialah kontrak jualan bukan *al-qard* manakala hubungan bank dengan penjual adalah jual beli secara tunai. Maka tambahan nilai yang berlaku ke atas aset misalnya rumah merupakan nilai yang telah ditetapkan sebelum kontrak dimeterai. Maka penambahan yang berlaku bukannya berbentuk riba walaupun penambahan yang berlaku kadar nilainya (Zaharuddin Abd Rahman 2010).

Berdasarkan situasi di atas maka jelas bahawa tiada berlaku risiko mendatang yang baharu atau pemindahan risiko ke atas satu pihak untuk dibebankan. Maka bagi perbezaan yang berlaku dalam pembiayaan kewangan konvensional ialah (Ab Rahim 2012) :

1. Penetapan tetap nilai jangkaan tanpa mengalami perubahan di tengah pelaksanaan kontrak.
2. Kontrak yang diguna pakai bukan kontrak *al-qard* namun kontrak yang bersifat *al-mu'awadat* seperti *bay' bithaman ajil*, *bay' al-murabahah lil amir li al-shira'* atau *bay' al-taqsit* (jualan ansuran). Maka nilai sebenar mesti ditetapkan sebelum kontrak dipersetujui bersama.

Risiko Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Perumahan Islam

Pembiayaan perumahan Islam merupakan instrumen yang ditawarkan oleh perbankan Islam sebagai alternatif kepada pinjaman perumahan konvensional. Pembiayaan perumahan Islam didasari dengan kontrak urus niaga dengan keuntungan jualan bertanggung menurut prinsip nilai masa wang yang patuh syariah. Pembiayaan perumahan Islam mengelakkan pelanggan dari unsur riba yang terdapat dalam pinjaman perumahan konvensional (Rahisam Ramli & Ahmad Dahlan Salleh 2013).

Menurut syariah, pembiayaan perumahan Islam meletakkan kadar keuntungan tetap dalam penentuan jualan bertanggung bagi mengelakkan *gharar* sebagaimana dalam elemen pinjaman perumahan konvensional. Walaupun penentuan BR ditentukan oleh *Overnight Policy Rate* (Kadar Dasar Semalaman) namun pembiayaan perumahan meletakkan *Contracted Profit Rate* (Kadar Keuntungan Siling) dalam berhadapan dengan ketidakpastian ekonomi di masa hadapan. CPR ini menjadikan kadar keuntungan tetap oleh pembiayaan perumahan Islam berbeza dengan kadar keuntungan terapung menerusi kadar faedah yang berubah-ubah dalam pembiayaan perumahan konvensional. Menyedari ketidakpastian ekonomi, CPR yang ditetapkan bagi memastikan meminimumkan risiko yang bakal ditanggung oleh pihak bank, namun dalam masa yang sama sekiranya *Effective Profit Rate* (Kadar Keuntungan Efektif) tidak mencapai tahap siling maka perbankan Islam menghadiahkan pemberian rebat (*ibra'*) kepada pelanggan (Ab Rahim 2012).

Ketetapan nilai akhir keuntungan bertanggung adalah untuk memastikan keadilan ke atas kedua-dua belah pihak dan tiada risiko spekulasi yang timbul disebabkan (Zaharuddin Abd Rahman 14 Oktober 2010):

1. *Gharar* dari sudut ketidaktentuan nilai jualan sebenar di akhir tempoh. Ini menjadikan pelanggan menanggung risiko dengan perubahan ekoran ketidaktentuan ekonomi di masa hadapan.
2. Pemberian *rebate* bagi meringankan beban pelanggan sekiranya kadar keuntungan efektif (EPR) tidak menjangkau kadar keuntungan siling (CPR).

KESIMPULAN

Risiko merupakan lumrah dalam sesuatu transaksi yang dijalankan bagi melayakkan pihak yang berakad memperoleh keuntungan yang disasarkan. Pengurusan risiko secara salah menyebabkan urusan niaga berlaku secara zalim maka terafilah hikmah pensyariatan jual beli dalam konteks memenuhi keperluan masyarakat. Walau bagaimana pun risiko tetap wujud dalam setiap kontrak kerana ia mempunyai hubungan kait dalam penawaran dan permintaan yang berlaku.

Perbezaan pembiayaan kewangan konvensional ialah risiko tersebut dipindahkan ke atas sebelah pihak sahaja demi kepentingan keuntungan sebelah pihak yang lagi satu. Sehubungan itu, kewangan konvensional mengamalkan riba seperti kadar bunga ke atas hutang yang diberikan. Ia secara tidak langsung menambahkan beban yang sedia ada ke atas penghutang. Kadar bunga tersebut merupakan dakwaan bagi menghilangkan risiko pemiutang yang telah “membekukan” haknya dengan diberikan hutang kepada pihak yang meminta. Begitu juga dengan keuntungan tetap secara nilai dalam konsep pelaburan yang juga boleh dipanggil kadar faedah. Maka penentuan secara tetap dan pasti merupakan risiko yang besar ke atas pemilik modal dalam pembahagian keuntungan bersama kerana setiap urusan niaga mengalami risiko kerugian. Oleh sebab itu, kewangan Islam dalam kontrak *al-mudarabah* memperkenalkan konsep perkongsian untung rugi bersama (PLR) berdasarkan pecahan peratusan dalam pembahagian. Kiraan PLR lebih fleksibel dalam mengurangi risiko ke atas pemilik modal khususnya di waktu keuntungan yang dicapai tidak menepati sasaran apatah lagi di waktu berlaku kerugian. Maka inilah kiraan yang paling sesuai dalam membawa keadilan kepada sistem ekonomi negara bagi sebahagian urusan niaga yang mengamalkan kiraan tambahan kadar bunga (Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad 2005).

Pensyariatan *khiyar* ketika berlakunya konflik antara dua pihak dalam kontrak jual beli sebagai jalan penyelesaian dengan menghilangkan risiko yang sedia ada dan mengelakkan risiko mendatang. Maka *khiyar* ke atas barang jualan yang mempunyai kerosakan menghilangkan risiko mendatang yang berlaku ke atas pembeli. Begitu juga apabila berlaku dakwaan pemilik modal dengan pengusaha ke atas penentuan perkongsian keuntungan dalam kontrak *al-mudarabah*. Jika tiada kata sepakat yang dicapai, maka syarak menetapkan kadar *ujrah mithil* ke atas pengusaha kerana usaha yang telah dilakukan dalam gerak kerja. Kadar *ujrah mithil* tersebut merupakan satu bentuk menghilangkan risiko mendatang yang terbeban ke atas pengusaha yang ternafi hak perkongsian keuntungan sedangkan pemilik modal memiliki sepenuh keuntungan (al-Khuwaytir 2006).

Sehubungan itu, jelas pengurusan risiko dalam kewangan Islam lebih menjamin keadilan dalam meraih keuntungan ke atas urus niaga yang dilakukan. Adalah menjadi kemestian untuk setiap pihak yang terlibat untuk mengetahui dengan jelas risiko yang wujud. Ini kerana risiko yang diharamkan ialah apabila ia jelas atau sangkaan kuat akan keburukan yang bakal berlaku serta begitu juga risiko yang mendatang menimbulkan spekulasi seumpama berlakunya pemindahan risiko ke atas satu pihak yang menjadi beban ke atasnya. Maka perbezaan yang ketara antara kewangan Islam dan konvensional dalam membentuk cara pengurusan risiko ialah matlamat sesuatu pengeluaran. Bagi kewangan Islam matlamat utama pengeluaran ialah menyahut galakan Allah SWT dalam mencari rezeki kurniaan-Nya dan memenuhi keperluan masyarakat bersama berbeza dengan kewangan konvensional yang bermatlamatkan keuntungan semata-mata.

RUJUKAN

- Ab Rahim Ibrahim. 2012. Riba dan Ribh Menurut Kewangan Islam: Mekanisme Penentuan Kadar Keuntungan Pembiayaan Jangka Panjang dalam Perbankan Islam. Tesis Ph.D, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abu Dawud. *Sunan Abi Dawud* (syarah oleh 'Aun Ma'bud). 1995. Damshiq : Dar al-Fikr.
- 'Affanah, Husam al-Din bin Musa. 2005. *Fiqh al-Tajir al-Muslim wa Adabuhu*. Palestin: Maktabah Dandis.
- Fadl Ilahi. 1991. *al-Tadabir al-Waqiyyah min al-Riba' fi al-Islam*. Riyadh: Maktabah al-Muayyad.
- al-Hakim, Muhammad bin Abdullah. 1998. *al-Mustadrak ala al-Sahihayn*. Beyrut : Dar al-Ma'rifah.
- 'Immarah, Muhammad. 2009. *Qamus al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Jarjawi, 'Ali Ahmad. 2007. *Hikmah al-Tashri' wa Falsafatuh*. Damshiq : Dar al-Fikr.
- al-Jumu'ah, 'Ali Muhammad. 2000. *Mu'jam al-Mustalahat al-Iqtisadiyyah wa al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Maktabah al-'abikat
- al-Khuwaytir, Tariq Muhammad. 2006. *Al-Mudarabah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Riyadh: Kanuz Ishbiliya.
- al-Kibbi, Sa'd al-Din Muhammad. 2002. *Al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Muhammad Bakr Isma'il. 1999. Bayn al-Sa'il wa al-Faqih. al-Qahirah : Dar al-Manar li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2014. *Hal li Ribh al-Tujjar Had A'la?*. <http://www.qaradawi.net/new/Articles-6354> [2 Jun 2017]
- Markaz Pengajian Fiqh Dan Ekonomi. 2009. *Mausu'ah Fatawa al-Mu'amalat al-Maliyyah li al-Masarif wa al-Muassasah al-Maliyyah al-Islamiyyah*. Jilid ke-7&9. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Mohd Nizho bin Abdul Rahman & Mohd Shukri bin Hanapi. 2008. *Etika Perniagaan dari Perspektif al-Quran: Satu Tinjauan*. Kertas Kerja Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Sahrabaji. 2007. *Al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Damshiq: Dar al-Qalam
- al-Nadwi, Ahmad. 2000. *Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- al-Qughah Daghi, 'Ali Mahyuddin. 2009. *Ta'rif bi al-ribh wa dawabituh*. http://www.qaradaghi.com/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=454:2009-07-11-09-41-35&catid=66:2009-07-11-09-31-01&Itemid=13 [1 September 2015]
- Rahisam Ramli & Ahmad Dahlan Salleh. 2013. *Ketidakseimbangan Pemilikan Dalam Aplikasi Musharakah Mutanaqisah: Kajian Di Institusi Perbankan Islam*. Kertas kerja dalam pembentangan Kolokium Siswazah Jabatan Pengajian Islam UKM pada 23 Disember 2013.
- Ridzwan Ahmad & Azizi Che Seman. 2009. Pemakaian Maslahat Terhadap Konsep Nilai Masa Wang dalam Sistem Perbankan Islam Di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, No. 6, 87-106.
- Sa'id Sa'd Maratan. 1996. *Madkhal li al-Fikr al-Iqtisadi fi al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Salami, Nasr Muhammad. 2008. *Al-Dawabit al-Shar'iyyah Li al-Istithmar*. Al-Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- Shamsiah Mohamad. 2002. Ciri-ciri Keuntungan Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Syariah*, 10: 1, 121-137.

- Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad. 2005. *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Tengku Iskandar et al. 1994. *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharuddin Abd Rahman. 4 September 2007. *Bank Islam Menipu & Bank Konvensional Sebenarnya Lebih Mahal*. Lihat: <http://zaharuddin.net/perbankan-&-insuran/587-bank-islam-menipu-a-bank-konvensional-sebenarnya-lebih-mahal.html>.
- Zaharuddin Abd Rahman. 14 Oktober 2010. *Perbankan Islam dan BFR*. Lihat: <http://zaharuddin.net/soal-jawab-a-isu-pilihan/969-perbankan-islam-dan-bfr.html>.
- Zaharuddin Abd Rahman. 2010. *Riba dan Isu Kewangan Semasa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Zaharuddin Yahya. 1995. *Memilih Perniagaan: Ke arah Pembentukan Usahawan & Pengujudan Perniagaan Berdayamaju*. Kota Bahru: Al-Kafilah Enterprise.

Muhamad Zuhaili Bin Saiman
Postgraduate Student
abezuh_saiman@yahoo.com
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Ahmad Dahlan Salleh
dahlan@ukm.edu.my
Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor,
MALAYSIA

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

Editor-In-Chief

Dr. Mohd Al Adib Samuri

Co-Editor

Dr. Salmy Edawati Yaacob

Senior Editors

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Journal of Contemporary Islamic Law

Vol. 2(1) (2017)

Published by:

Jabatan Syariah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Suggested citation style

Author, (2017), Title, Journal of Contemporary Islamic Law, 2(1), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.